



# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

KELUARAN - SEPTEMBER 2018



# Sidang REDAKSI

## KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

## EDITOR



Puan Haryani  
binti Kaulan



Cik Siti Nurul  
Azzua binti Tamjis

## URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran  
bin Ashaari



Puan Syalinda binti  
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi  
bin Rimin

## GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida  
binti Zainol

## PENULIS



Encik Khalilurrahman  
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah  
binti Jamaluddin



Encik Asmawi  
bin Ahmad



Encik Adi Khirman  
bin Marji



Encik Mohd Fairus  
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza  
binti Hanifah



Puan Nur Nisha  
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah  
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina  
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal  
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin  
binti Benjamin Yuen



Encik Muhamamad  
Shurazi bin Sukhur

## ISI KANDUNGAN

- |   |   |
|---|---|
| 1. Putrajaya Bridges Night Ride 2018                          | 3 |
| 2. Perarakan Beroda Cetus Keceriaan Warga Putrajaya           | 4 |
| 3. Perbadanan Putrajaya Anjur Kejohanan Kuda Lasak            | 4 |
| 4. Karnival Komuniti Dan Pesta Air Oxygenation Putrajaya 2018 | 5 |
| 5. Putrajaya Wetland Ride (PWR) 2018                          | 6 |

## PERTANYAAN

Sidang redaksi **Buletin Perbadanan Putrajaya** mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca.

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada [ppjonline@ppj.gov.my](mailto:ppjonline@ppj.gov.my)

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



putrajaya



putrajayacorp



perbadananputrajaya



perbadananputrajaya



+perbadananputrajaya

## **PUTRAJAYA BRIDGES NIGHT RIDE 2018**

Seramai 3,000 peserta telah menyertai Putrajaya Bridges Night Ride (PBNR) 2018 di Dataran Putrajaya, Presint 3 pada 22 September 2018. Acara pelepasan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, YB Tuan Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik.

Turut hadir Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Dato' Omairi bin Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, YBhg. Dato' Haslina Binti Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, YBrs. Cik Saraya Binti Arbi.

Anjuran Pejabat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia Kuala Lumpur/ Putrajaya (MOTAC) dan PPj dengan kerjasama Red Adventure, PBNR edisi yang ke-empat ini diadakan bersempena meraikan sambutan "World Tourism Day" yang akan berlangsung pada 27hb September 2018 dengan tema Tourism And The Digital Transformation. Acara berbasikal santai pada waktu malam yang terbesar ini juga diadakan ini adalah bagi memberi peluang kepada peserta mengeksplorasi jambatan jambatan-jambatan mercu tanda Putrajaya yang mempunyai reka bentuk dan ciri-ciri arkitektur unik serta menarik khususnya pada waktu malam dengan limpahan cahaya berwarna-warni.

Peserta termasuk penggiat pelancongan, media, selebriti dan orang awam berkayuh

mengikut kategori masing-masing (5km, 10km dan 20km) di laluan tarmac bermula di jalan utama berhadapan Kompleks Perbadanan Putrajaya melalui 6 buah jambatan iaitu Jabatan Sri Perdana, Jambatan Sri Wawasan, Jambatan Seri Bestari, Jambatan Seri Bakti, Jambatan Sri Gemilang dan Jambatan Putra serta lokasi-lokasi penting seperti bangunan-bangunan pentadbiran kerajaan, taman-taman, dan mercu-mercu tanda lain di Putrajaya.

Para pengunjung juga turut dihiburkan dengan persembahan PrecinctNotes PPj, persembahan tarian dan persembahan brass band melalui program Singgah Seni Putrajaya.

Dalam program yang sama, turut diperkenalkan Aplikasi Putrajaya Mobile yang menyediakan informasi mengenai Putrajaya semudah di hujung jari. Aplikasi Putrajaya Mobile turut menyediakan 50 hadiah cabutan bertuah kepada pengunjung yang telah memuat turun aplikasi tersebut.

PBNR 2018 juga bakal dimeriahkan dengan penampilan para pelakon dari Filem Kalla seperti Faizal Husin, Vanida Imran, Azhan Rani dan Farali Khan yang juga berkayuh bersama peserta yang lain. Mereka akan mengadakan sesi beramah mesra yang turut memberi peluang kepada pengunjung untuk memenangi hadiah-hadiah menarik termasuk tiket percuma ke tayangan Perdana dan t-shirt edisi khas Kalla.



# PERARAKAN BERODA CETUS KECERIAAN WARGA PUTRAJAYA

Bagi memeriahkan acara PBNR 2018 pada 22 September 2018 yang lalu, PPj turut mengadakan Pertandingan Perarakan Beroda yang mengetengahkan konsep perarakan kenderaan beroda tanpa enjib yang dihias menggunakan bahan-bahan kitar semula dengan tema pertandingan iaitu Cycle & Recycle.



## **PERBADANAN PUTRAJAYA ANJUR KEJOHANAN KUDA LASAK**

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2018 di Taman Ekuestrian Putrajaya, Presint 5 pada 16 September 2018. Kejohanan ini telah disempurnakan oleh Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' Omairi Bin Hashim.

Julung kali dianjurkan oleh PPj dengan kerjasama Taman Ekuestrian Putrajaya bertujuan untuk menarik peminat sukan berkuda dari dalam dan luar negara untuk ke Putrajaya serta untuk menjadikan Putrajaya sebagai salah satu lokasi tumpuan acara sukan lasak. Selain daripada itu, acara ini juga bertujuan untuk menguji pengendalian kuda unit-unit berkuda di kalangan anggota beruniform agensi kerajaan dan PPj sendiri di samping membina jaringan kerjasama erat dan menggalakkan gaya hidup sihat.

Kejohanan terbahagi kepada dua kategori iaitu 20 kilometer dan 40 kilometer. Hanya kategori 40 kilometer sahaja dipertandingkan dan terbahagi kepada 2 kategori kuda iaitu kategori kuda baka arab dan kuda baka lain-lain.

Peserta dinilai melalui keadaan fizikal dan kesihatan kuda mereka dan masa tiba di garisan penamat. Juara kejohanan bagi setiap kategori bakal membawa pulang wang tunai RM1,000 beserta piala. Bagi Naib Juara pula akan menerima wang tunai RM800 dan tempat ketiga RM500 beserta hadiah iringan berupa makanan kuda dan aksesori kuda.



# KARNIVAL KOMUNITI DAN PESTA AIR OXYGENATION PUTRAJAYA 2018

Karnival Komuniti dan Pesta Air Oxygenation Putrajaya 2018 telah bermula pada 28 hingga 30 September 2018 (Jumaat sehingga Ahad) dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang bertempat di Kompleks Renang dan Sukan Air (KOSA) Presint 6 Putrajaya.

Majlis perasmian karnival disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Abd. Samad dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Wilayah Yang Berhormat Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh dan Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato'Omairi Bin Hashim.



Tujuan utama penganjuran karnival ini adalah bagi mengukuhkan interaksi dan integrasi sosial serta hubungan baik antara PPj dengan komuniti Putrajaya dan merupakan medium terbaik untuk menambahkan elemen keceriaan serta kemeriahan di kalangan warga Putrajaya.

Sebanyak 22 aktiviti telah dijadualkan di sepanjang 3 hari penganjurannya. Antara aktiviti yang bakal menarik perhatian adalah Pertandingan Perahu Panjang, Rowing dan kayak yang disertai seramai 2,357 peserta daripada persatuan-persatuan, agensi kerajaan pelajar universiti dan komuniti sendiri. Selain itu, PPj juga turut menganjurkan Kayuhan Ceria Komuniti, Pertandingan Zumba, Sukan Rakyat dan Sukan Air bagi menerapkan amalan gaya hidup aktif dan sihat di kalangan komuniti.

PPj turut menganjurkan program Pencarian Junior Chef @ Putrajaya, Pertandingan Tarian Peringkat Sekolah, Pencarian Suara Putrajaya untuk mencari bakat muda di dalam bidang kulineri, seni tarian serta nyanyian. Turut serta persembahan dan pembelajaran rentak Drum Circle yang dikoordinasikan oleh Kombo PPj, PrecinctNotes.

Program berbentuk kerohanian seperti program Tazkirah Muzikal turut diadakan dengan menampilkan penceramah istimewa iaitu Pencetus Ummah (PU) Rahmat, Imam Muda Hassan dan Afad Raihan serta penampilan istimewa maskot karakter animasi islamik kanak-kanak popular Omar dan Hana.

Bengkel Edible Landskap turut diadakan kepada pengunjung yang hadir untuk mendapatkan tips-tips menanam sayuran, herba mendekorasi laman menggunakan bahan terpakai. Karnival ini juga turut mempamerkan 21 jenis produk-produk komuniti Putrajaya serta pemeran daripada pelbagai agensi.





# PUTRAJAYA WETLAND RIDE (PWR) 2018

Seramai 700 peserta menyertai Putrajaya Wetland Ride (PWR) 2018 di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya pada 29 September 2018. Acara pelepasan telah disempurnakan oleh Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya, YBhg. Datuk LAr. Hj. Baharuddin Bin Aziz.

Julung kali diadakan, acara berbasikal edisi mountain bike anjuran PPj bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosi Taman Wetland Putrajaya sebagai salah satu lokasi sukan lasak di Putrajaya. Selain itu, acara ini juga dapat memberi pendidikan dan

kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan alam dan ekosistem wetland kepada peserta disamping menikmati keindahan Taman Wetland Putrajaya.

Para peserta akan berkayuh melalui kawasan taman termasuk laluan off road dengan jarak kayuhan sejauh 16 km. Penyertaan adalah percuma serta terbuka kepada orang ramai. PPj juga turut menyediakan peluang menyertai cabutan bertuah untuk 500 penyertaan terawal. Hadiah cabutan bertuah adalah seperti basikal dan aksesori basikal.